

RENTETAN INSIDEN

27 November 2018: Muhammad Adib ditemui cedera dalam kejadian rusuhan di tapak kuil Sri Maha Mariamman di USJ 25, Seafeld, Subang Jaya sebelum dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Pusat Perubatan Ramsay Sime Darby, Subang Jaya.

28 November 2018: Dipindahkan ke Institut Jantung Negara (IJN).

28 November 2018: Badan Bertindak Kuil Sri Maha Mariamman mendakwa Muhammad Adib cedera akibat kemalangan.

29 November 2018: Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun menegaskan dakwaan pihak kuil tidak betul.

4 Disember 2018: Muhammad Adib beri tindak balas kepada orang sekeliling, tetapi masih tidak dapat bertutur selepas seminggu dirawat di IJN.

17 Disember 2018: Muhammad Adib disahkan meninggal dunia pada jam 9.41 malam.

27 Disember 2018: Kerajaan mengumumkan menubuhkan inkues untuk mengetahui punca sebenar kematian.

11 Februari 2019: Inkues Muhammad Adib bermula.

24 Mac 2019: Saksi inkues ke-24, Pakar Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Ahmad Hafizam Hasmi memberitahu Mahkamah Koroner kecederaan Muhammad Adib tidak padan dengan kecederaan dipukul.

9 April 2019: Saksi inkues ke-29, bekas Pakar Perunding Kanan Forensik dan Patologi, Prof Dr Shahrom Abd Wahid berkata Muhammad Adib kemungkinan ditarik keluar dari van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dan terhimpit antara dua pintu sebelum dihentak hingga menyebabkan tujuh tulang rusuknya patah.

27 Mei 2019: Peguam Syazlin Mansor yang mewakili keluarga Muhammad Adib, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) umum tarik dari dari mewakili pihak berkeperentingan.

5 Julai 2019: Pakar Fizik Universiti Teknologi MARA (UITM), Dr Amir Radzi Ab Ghani diputuskan sebagai saksi ke-30 oleh Koroner Rofiah.

27 September 2019: Keputusan inkues.

INFOGRAFIK Metro



KORONER Rofiah melawat lokasi kejadian sewaktu inkues.

137 ekshibit jadi bukti

Selepas prosiding 41 hari, Mahkamah Koroner Shah Alam dijangka membuat keputusan berhubung inkues kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim, esok.

Sepanjang prosiding bermula 11 Februari lalu, 30 saksi inkues memberi keterangan. Ia termasuk saksi awam di tempat kejadian, rakan setugas si mati, anggota pasukan keselamatan sehingga kepada kakitangan dan saksi pakar seperti ahli perubatan yang merawat Muhammad Adib. Turut dikemukakan, 137 ekshibit.

Inkues ini bertujuan menentukan punca kematian anggota Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya itu.

Beberapa peristiwa menarik termasuk keterangan saksi awam dan saksi pakar mengenai perjalanan prosiding di hadapan Koroner Rofiah Mohamad.

Ia terutama apabila kakitangan perubatan menceritakan pengalaman membantu rawatan dan penjagaan Muhammad Adib ketika dirawat di Institut Jantung Negara (IJN).

Paling menyentuh hati apabila bapa kepada Muhammad Adib, Mohd Kassim Abdul Hamid, 64, yang juga saksi inkues ke-23 berkata, anaknya masih sempat bertanya keadaan keluarga dan ibunya.

Adib berbuat demikian meskipun terlantar dan parah dengan hanya boleh berkomunikasi dengan cara menulis di papan putih (whiteboard).

Menurut Mohd Kassim, anaknya pernah meminta mahu pulang berubat di kampung dan menulis Jiha iaitu nama tunang di papan itu.

Kelancaran prosiding ditekankan apabila pemilik akaun Facebook, Cik Miera yang membuat komen berhubung

kematian Muhammad Adib dipanggil memberi keterangan. Cik Miera, 27, atau nama sebenarnya Siti Syafikah Amiera yang bertugas sebagai jururawat di IJN menjadi saksi ke-25 pada hari ke-18.

Sekali lagi kejutan berlaku, apabila peguam Syazlin Mansor menarik diri mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selepas mendakwa menerima tekanan pihak tertentu. Tambahan, tindakan itu diambil pada hari ke-37 prosiding.

Bagaimanapun, Syazlin masih mewakili keluarga Muhammad Adib dalam prosiding berkenaan.

Prosiding berlanjutan sehingga dua saksi pakar memberi pandangan berbeza berhubung punca kecederaan si mati. Kedua-duanya, saksi ke-24, Dr Ahmad Hafizam yang juga Pakar Forensik Patologi Hospital Kuala Lumpur dan Perunding Kanan Patologi Forensik United Kingdom, Prof Dr Shahrom Abd Wahid (saksi inkues ke-29).

Ia berlanjutan sehingga Koroner Rofiah membenarkan seorang saksi pakar fizik, Dr Ir Amir Radzi Ab Ghani, 48, dari Universiti Teknologi Mara (UITM) dipanggil memberi keterangan sebagai saksi terakhir.

INFO

● Prosiding inkues berbeza dengan prosiding biasa di mahkamah. Ia diadakan bagi menentukan punca kematian. Justeru, tidak ada pihak seperti tertuduh dan pendakwa raya (seperti dalam kes jenayah), atau plaintif dan defendan (seperti lazimnya dalam kes sivil).

● Pada masa sama, tujuhan inkues bukan untuk mengadili mana-mana individu dituduh melakukan kesalahan, tetapi untuk mengenal pasti punca kematian.

● Ini bermakna saksi inkues tampil memberi keterangan bagi membantu mahkamah membuat keputusan. Saksi menjawab soalan Pegawai Pengendali yang terdiri daripada Timbalan Pendakwa Raya dan peguam mewakili pihak berkeperentingan.

● Dalam kes ini, pihak berkeperentingan adalah keluarga si mati, JBPM dan KPKT. Selain itu, ia turut disertai peguam pemerhati daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) dan Majlis Peguam.



“...alau diikutkan remang kena redan engan sebarang eputusan. Namun ruh di sudut hati, aya memang tidak erpuas hati”

Mohd Kassim